

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.  
KADIR [ SETIU ]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah Kementerian akan mengeluarkan lesen sampan untuk nelayan pesisir pantai bagi memenuhi syarat bantuan agensi berkaitan iaitu sampan dan bot berlesen.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Kajian Taksiran Sumber Perikanan yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), menunjukkan sumber perikanan telah berkurang kepada 15 peratus, iaitu 23,236 metrik tan daripada 150,710 metrik tan pada tahun 1970-an. Dalam usaha mengurangkan tekanan ke atas sumber perikanan terutamanya di kawasan pesisiran pantai, dasar pembekuan sementara ke atas semua permohonan baru lesen vesel zon A, B dan C telah dilaksanakan sejak tahun 1982.

2. Berdasarkan kepada perangkaan tahun 2018, jumlah vesel pesisir pantai zon A yang berdaftar di seluruh Malaysia adalah sebanyak 44,217 vesel. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,162 vesel telah didaftarkan di Terengganu yang layak menerima bantuan dan insentif daripada pihak Kerajaan seperti berikut:

- Elaun Sara Hidup kepada pemilik vesel zon A dan awak-awak pada kadar RM250 sebulan mulai tahun 2020;
- Subsidi minyak petrol/diesel pada kadar RM1.65 sen seliter; dan
- Insentif Hasil Tangkapan Ikan pada kadar 10sen/kilogram.

3. Buat masa ini, dasar pembekuan lesen sampan masih lagi diteruskan. Namun, Kementerian sedang mengkaji kemungkinan untuk membuka semula permohonan lesen vesel zon A, yang mana kuota lesen vesel akan ditetapkan mengikut keupayaan daya tampungan sesebuah kawasan berbanding dengan sumber perikanan sedia ada. Selain itu, keutamaan akan diberikan kepada golongan belia bagi meningkatkan penglibatan mereka dalam bidang perikanan tangkapan serta penggunaan teknologi moden yang mesra sumber.

Sekian, terima kasih.